

Mohon UiTM tetap tarikh cuti semester

BH 29/8/06 (ms 11)

Saya mewakili warga pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) ingin menyatakan kekesalan kami berikutan tarikh cuti pertengahan semester masih belum dapat ditetapkan. Apa yang sayu tahu, cuti tahunan ini ditunda berapa kali.

Untuk mereka yang tidak sabar bercuti, tiket dibeli, tetapi apabila tarikh itu ditunda ia mendatangkan masalah kepada pelajar untuk menjual kembali tiket.

Kepada mereka yang berasal daripada keluarga yang mampu, pasti tidak bermasalah untuk membeli tiket lain. Namun bagaimana bagi mereka yang kurang berkemampuan?

Untuk yang tinggal berdekatan pasti tidak bermasalah untuk mereka pulang ke rumah. Namun, bagi mereka yang berasal dari utara, selatan atau timur? Harga tiket bas bukannya murah seperti dulu.

Kami ingin memohon jasa baik pihak pengurusan UiTM untuk menetapkan tarikh cuti pertengahan berkenaan.

YANG BERHARAP,
Kemaman, Terengganu.